

[Share](#) | [f](#) | [t](#) | [e](#) | [p](#)
[Program Langganan Sukarela](#)[Like](#) Confirm
[Cetak](#) | [Kongsi](#) Saiz Teks: [k](#) [s](#) [B](#)

AWER: RM1.74 bilion dianggar hilang pada tahun 2010 lantaran Air Tidak Terhasil

AWER | Jan 05, 2012 11:17:47 am

[Pandangan](#)

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) telah menjalankan pemodelan Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water - NRW*) berdasarkan statistik tahun 2010 yang dilaporkan di *Malaysia Water Industry Guide 2011*. Peratusan NRW menunjukkan pengurangan daripada 36.63% bagi tahun 2009 kepada 36.37% bagi tahun 2010. Walau bagaimanapun, jumlah isipadu air terawat yang tidak terhasil meningkat daripada 1.80 billion meter padu (m³) pada tahun 2009 kepada 1.87 billion meter padu (m³) pada tahun 2010 atau bersamaan dengan peningkatan sebanyak 3.5%.

AWER telah menggunakan tarif domestik dan komersil terendah, peratus penggunaan air bagi sektor domestik dan komersil serta jumlah isipadu NRW sebagai parameter-parameter asas untuk pemodelan ini.

Keputusan pemodelan adalah seperti berikut:

Jumlah Anggaran Kehilangan Pendapatan disebabkan oleh NRW

Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
RM 1,617,358,972.42	RM 1,626,240,834.28	RM 1,744,674,131.76

Jumlah pendapatan sektor air pada tahun 2010 adalah RM 4,086,618,000. Jumlah anggaran kehilangan pendapatan disebabkan oleh NRW adalah hampir 42.7% daripada jumlah pendapatan di sektor ini. Jumlah keseluruhan anggaran kehilangan pendapatan disebabkan oleh NRW bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 amat mengejutkan, iaitu setinggi RM 4.99 billion.

Dari segi isipadu NRW bagi tahun 2010, Selangor mencatatkan nilai tertinggi diikuti oleh Pahang dan Sabah. Walau bagaimanapun, apabila NRW dianggar dalam bentuk kehilangan pendapatan, nilai tertinggi adalah di Selangor (RM 599 juta) diikuti oleh Johor (RM 200.9 juta) dan Sabah (RM 175.4 juta).

AWER masih berpendirian tegas bahawa cadangan sasaran nilai NRW kebangsaan patut ditetapkan pada 20% menjelang tahun 2020 dan mesti dijadikan indikator kebangsaan bagi industri air negara seperti yang diumumkan oleh AWER tahun lepas. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menyangkal sasaran 20% ini sebagai tidak boleh dicapai dan tiada pulangan ekonomi. Malangnya, tiada sebarang pengiraan atau pemodelan telah dijalankan oleh SPAN untuk membuktikan ini. Apatah lagi, baru-baru ini SPAN telah melaporkan bahawa sasaran 25% NRW dapat dicapai lebih awal daripada tahun 2020. Adakah pengawalselia ini menetapkan sasaran yang mudah dicapai secara *ad-hoc*?

Untuk mencapai nilai 20% sasaran NRW, semua operator air mesti dikawalselia di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Water Services Industry Act 2006 -WSIA). Melalui ini, Penunjuk Prestasi Utama (Key Performance Index - KPI) dan Pelan Tindakan Pengurangan NRW Kebangsaan (National NRW Reduction Action Plan) mesti disediakan. KPI juga mesti ditetapkan kepada pegawai-pegawai SPAN dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk memastikan Pelan Tindakan

Terkini

- [AWER: RM1.74 bilion dianggar hilang pada tahun 2010 lantaran Air Tidak Terhasil](#)
- [Mengapa saya terfikir untuk beri bunga kepada Safwan?](#)
- [Skandal NFC: Keadilan desak suami Shahrizat didakwa](#)
- [Keganasan polis di UPSI: 17 badan tidak teragak-agak lanjutkan isu ke antarabangsa](#)
- [901 dan agenda UMNO](#)
- [Kenapa keputusan perbicaraan Anwar penting untuk setiap Rakyat Malaysia?](#)
- [LLG: Insiden keganasan UPSI memalukan sistem demokrasi](#)
- [Mengimbas tahun 2011: Transformasi Najib bagai susu 1Malaysia](#)
- [Zaid Ibrahim: Raja Petra di pihak salah](#)
- [Surendran: Kenyataan RPK tidak berasas dan tanpa sokongan bukti](#)

Antara yang terhangat

- [Surat misteri terdedah?](#)
- [Pembelian kapal selam: Bala dipanggil Polis Perancis](#)
- [Syed Husin Ali: Anwar berbeza daripada Razaleigh](#)
- [Hishamuddin Rais: Simpatilah Melayu yang dibonsaikan mindanya](#)
- [Gambar Namewee dibakar: Dialog ditamatkan sebelum demo PERKASA surai](#)
- [Perbandingan prestasi antara kerajaan BN dengan PR](#)
- [Mat Sabu: Jangan terperanjat anak tokoh PAS bertanding atas tiket DAP](#)
- [Peserta perhimpunan meninggal kerana sesak nafas terhidu gas pemedih](#)
- [Sime Darby=Renong II? MEB bakal ulangi kegagalan zaman Mahathir](#)
- [Konsep 1Malaysia juga diciplak dari Indonesia](#)

Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)

709 Bersih 2

Pengurangan NRW Kebangsaan dapat disediakan menjelang pertengahan 2012 untuk seluruh Malaysia. Tiada gunanya wujud agensi-agensi pusat yang melepaskan tugas ini kepada operator-operator air dan hanya menunggu untuk mendapatkan keputusan tanpa pelan terperinci.

Pelan tindakan ini mesti merangkumi yang berikut:

- (i) Sasaran-sasaran yang khusus untuk setiap negeri bagi jangkamasa tertentu;
- (ii) Pengenalpastian kawasan-kawasan kritikal, sub-kritikal dan tidak kritikal;
- (iii) Peraturan teknikal (*technical guideline*);
- (iv) Audit yang ketat untuk Perbelanjaan Modal (*Capital Expenditure-Capex*) dan Perbelanjaan Operasi (*Operational Expenditure-Opex*) untuk pelan-pelan pengurangan NRW;
- (v) Pelan ini juga mesti diumumkan dan disiarkan untuk makluman umum.



AWER ingin menyeru negeri-negeri yang masih belum berpindah ke rejim WSIA untuk mempercepatkan proses pemindahan ini. Kelewatan dalam penstrukturan semula hanya akan melambatkan penambahbaikan infrastruktur perkhidmatan air dan menghalang perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Kami juga menyeru kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak untuk mewujudkan kerangka yang sama untuk menambahbaik industri air dan dikawalselia di bawah WSIA.

Malaysia mesti belajar menguruskan NRW secara holistik. KeTTHA dan SPAN mesti mempunyai satu Pelan Tindakan Pengurangan NRW Kebangsaan sebelum 30 Jun 2012. Tiada ruang lagi untuk sebarang alasan kerana setiap titik air adalah bernilai!

*Kenyataan media oleh Piarapakan S. (gambar kiri) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).

JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club

on Facebook



You like this. · Admin

News · 12607 · 12607

sebelumnya: [Skandal NFC: Keadilan desak suami Shahrizat didakwa](#)

seterusnya: [Mengapa saya terfikir untuk beri bunga kepada Safwan?](#)



Confirm

Page · Ins
You like th
Page · Ins

6,954 people like **Merdeka Review BM Fans Club**. 6,953 people like **Merdeka Review BM Fans Club**.



Facebook social plugin

[CARI Diy Day Banner](#)

[Advertise here \(RM10/day \)](#)



[Advertise here \(RM10/day \)](#)

[CARI Diy Day Banner](#)

[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd -

[Designed by I-Tea Technology](#)

Hosted by [ipserverone.com](#)